

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,  
DATO HUSSEIN ONN, SELAKU YANG  
DI PERTUA ST. JOHN AMBULANS  
MALAYSIA DI UPACARA PEMERIKSAAN  
PERBARISAN KEBANGSAAN ST. JOHN  
AMBULANS DI PADANG KELAB  
SELANGOR, KUALA LUMPUR, PADA  
HARI AHAD, 20HB APRIL, 1980  
JAM 8.30 PAGI.

---

Yang Berhormat, Tan Sri Chong Hon Nyan,  
Menteri Kesihatan,

Yang Berusaha, Dato Dr. P. T. Arasu  
Pemerintah Agung St. John Ambulans,

Pegawai-pegawai dan Ahli-ahli St. John, ~~serta~~

Para hadirin sekalian.

---

Pepatah Melayu ada berkata: "Jika tidak  
kanal, maka tidak kasih". Pepatah ini amatlah  
tepat dengan St. John Ambulans Malaysia.  
Ramai rakyat ~~yang~~ telah mendengar mengenai  
khidmat cemerlang dan jasa bakti, yang disumbangkan  
oleh pegawai dan ahli St. John Ambulans,  
terutamanya dimasa-masa kecemasan dan malapetaka.

2.

2. Hari ini, kita semua dapat menyaksikan sendiri, di atas kecekapan dan kecergasan pegawai dan ahli yang berpakaian seragam hitam putih, kemas dan <sup>say-gak</sup>segak. Saya difahamkan bahawa, ini adalah kali pertama St. John Ambulans Malaysia mengadakan Perbarisan Rasaksa seumpama ini, sejak tahun 1953, iaitu tarikh percantuman Persatuan St. John Ambulans dengan Briged St. John Ambulans, menjadikannya sebuah Pertubuhan yang wujud sekarang ini.

...3/-

3.

3. Saya merasa amat bangga serta besar hati, kerana dapat melibatkan diri dalam sebuah pertubuhan sukarela yang besar<sup>eris</sup> Saya mengucapkan berbanyak terima kasih serta setinggi-tinggi penghargaan, kepada pegawai dan ahli St. John Ambulans Malaysia, yang telah datang dari jauh dan dekat untuk turut serta dalam upacara Pemeriksaan Perbarisan pagi ini. Saya mengucapkan tahniah kepada setiap anggota yang mengambil bahagian.

...4/-

4.

4. Kita telah difahamkan sebentar tadi, bahawa tradisi pertubuhan ini sudah berusia *beratus* beribu tahun. Di Malaysia sahaja, tradisi pertubuhan ini telah berkembang selama lebih 70 tahun. Dengan tradisinya yang begitu lama, pegawai-pegawai dan ahli-ahli St. John Ambulans Malaysia, hendaklah memelihara tradisi dan nama baik pertubuhan ini, dengan menunaikan segala tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka. Pakaian seragam yang dipakai melambangkan satu simbol, iaitu kepercayaan rakyat dan orang ramai bahawa tiap-tiap seorang yang memakainya, ialah seorang yang memberi

5.

"khidmat bagi manusia" yang mahir dalam bidang Pertolongan Cemas dan Rawatan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

5. Saya sukacita mendengar Tan Sri Chong Hon Nyan menyatakan bahawa, ahli-ahli St. John Ambulans akan bekerjasama dengan Kementeriannya, dalam Rancangan Pergerakan Pembangunan Kesihatan Masyarakat. Rancangan ini sangat besar maknanya kepada masyarakat luar bandar. Ahli-ahli St. John Ambulans boleh memainkan peranan yang besar dan berkesan, dalam usaha

... 6/-

6.

membantu mereka meningkatkan mutu kesihatan, serta membaiki keadaan hidup dikampong-kampong. Selain dari memberi perkhidmatan dan melatih Pertolongan Cemas dan Rawatan kepada mereka, ahli-ahli St. John Ambulans boleh menganjurkan cara-cara membuat tandas curah, menghidangkan makanan bersih, cara-cara memelihara bayi dan sebagainya. Latihan dan bimbingan yang seumpama ini, sangatlah diperlukan oleh masyarakat luar bandar, supaya mereka dapat meninggikan lagi mutu kesihatan dan kebersihan mereka.

...7/-

7.

6. Dato (Dr.) Arasu telah menyatakan bahawa, dalam peperangan Dunia Kedua, ahli-ahli St. John Ambulans telah diserapkan kedalam Perkhidmatan Perubatan Tambahan <sup>*iaitu*</sup> (Medical Auxiliary Services). Perkhidmatan ini sangatlah terpuji dan diperlukan. Saya percaya, pada masa sekarang pun, ahli-ahli St. John Ambulans boleh melengkapkan diri dan menjalankan tugas-tugas ini dengan sempurnanya. Mereka boleh mengambil alih tugas-tugas ini daripada pasukan keselamatan, dan memberi bantuan di masa-masa darurat, serta memberi pertolongan kepada orang-orang sakit dan cedera dalam peperangan. Dengan jalan ini, maka dapatlah pasukan keselamatan

8.

kita menumpukan sepenuh masa dalam tugas-tugas pertahanan.

7. Saya juga diberi tahu bahawa, St. John

Ambulans telah menubuhkan Pasukan "Gerak

Cepat" atau "Emergency Squad". Satu Pasukan

kecil akan mengandungi seramai 14 orang, yang

boleh dihantar dengan segera kemana-mana

jua tempat kemalangan atau kawasan-kawasan

bencana yang berlaku. Ini adalah satu langkah

yang sangat baik. Tenaga mahir dalam apa jua

bidang, sangatlah dikehendaki, terutamanya dalam

masa-masa kecemasan. Oleh itu, ahli-ahli St. John

9.

Ambulans hendaklah sentiasa cepat dan cekap serta tabah, dalam menunaikan tanggungjawab dan tugas mereka dalam apajua keadaan sekalipun.

8. Dalam hubungan ini, saya sukalah mengesyurkan supaya St. John Ambulans memperluaskan kegiatan-kegiatannya di kalangan para pegawai dan kakitangan Kerajaan serta sektor swasta, yang berpejabat di bangunan-bangunan besar ~~dan tinggi~~ di bandaraya dan bandar-bandar besar yang lain. ~~ditanahair~~, di kilang-kilang dan dikomplek-komplek membeli belah. Dengan mempunyai ahli-ahli yang bekerja dan menghuni

10.

ditempat tersebut, bantuan dan pertolongan kecemasan dan rawatan dapat didatangkan dengan lebih segera dan cepat lagi, dalam masa-masa kebakaran atau kecemasan yang lain.

~~9. Usaha-usaha patutlah dijalankan kearah matalamat ini supaya apabila berlaku sebarang kemalangan, di mana-mana jua, ahli-ahli St. John Ambulans sentiasa berada disitu untuk memberi pertolongan cemas dan rawatan segera. Dengan jalan ini, maka perkhidmatan Pertubuhan ini akan menjadi lebih berkesan lagi. Saya berpendapat bahawa adalah baik bagi penghuni dan kakitangan~~

11.

~~yang bekerja di Pejabat dan syarikat di bangunan-  
bangunan besar, menjadi ahli-ahli St. John Ambulans,  
Persatuan Bulan Sabit Merah atau menjadi anggota  
sukarela mana-mana pertubuhan pertahanan dengan  
tujuan membantu orang awam dalam masa-masa  
kecemasan dan kemalangan. Mereka juga patutlah  
mahir menggunakan alat-alat pemadam api supaya  
dapat membantu ahli-ahli Bomba dalam kebakaran -  
kebakaran kecil. Kesemuanya ini adalah berguna  
dan berfaedah bagi diri kita sendiri dan juga  
masyarakat.~~

...12/-

12.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

10. Dalam masyarakat lumrah di bandar-bandar besar, perasaan dan semangat memberi bantuan kecemasan dan pertolongan yang berperikemanusiaan, amatlah berkurangan. Suasana kehidupan yang sibuk, menyebabkan sesorang penduduk dibandar lebih suka hidup bersendirian, sehingga kadang-kala ia tidak mengetahui siapakah jiran di sekelilingnya. Jauh sekali hendak mencampuri kegiatan masyarakat setempat. Tetapi syukurlah, dengan adanya pelaksanaan sekim rukun tetangga, keadaan kelemahan hidup bermasyarakat yang sempit ini, telah sebanyak sedikit dapat diperbaiki.

...13/-

13.

Saya harap, kegiatan St. John Ambulans ini, akan dapat terus membangkitkan kesedaran rakyat terhadap tanggungjawab mereka <sup>kepada</sup> ~~terhadap~~ masyarakat.

11. Saya sukalah mengambil kesempatan ini, untuk menyeru seluruh penduduk di tanahair, supaya mempunyai perasaan bekerjasama dan satu bantu-membantu antara/sama lain, terutamanya dalam pekerjaan dan kegiatan sukarela. Sumbangan khidmat kebajikan boleh dimulakan di kalangan keluarga, dan kemudiannya diperluaskan diantara jiran-jiran di sekeliling rumah, seterusnya di kalangan masyarakat setempat. Semangat melibatkan

14.

diri atau menyertai dalam kegiatan badan-badan sukarela secara aktif atau semi aktif, terutamanya dalam bidang-bidang yang boleh membantu kearah pembinaan masyarakat yang bersatupadu atau pembangunan negara, adalah sumbangan yang amat berguna dan berfaedah kepada negara.

~~12. Pada hemat saya, hasil yang baik dapat diperolehi jika seseorang rakyat melibatkan diri dalam badan-badan sukarela seperti St. John Ambulans. *ialah:*~~

~~Pertama: ia akan dapat membentuk~~

~~perwatakan yang dinamis.~~

15.

~~Ini akan membawa faedah kepada dirinya dan negara, terutamanya dalam melaksana dan menjayakan tugas-tugas pembangunan masyarakat.~~

~~Kedua: ia akan dapat menyedari, mengetahui dan memahami masalah-masalah sebenar yang dihadapi oleh masyarakat yang mengalami nasib kurang baik.~~

~~Ketiga: ia akan dapat berganding bahu dengan masyarakat secara dekat~~

16.

~~dalam apa jua keadaan dan  
sama-sama memupuk hasrat  
terhadap pembangunan negara.~~

13. Dengan setiap rakyat, terutamanya yang mewah dan berjawatan tinggi, mengekalkan semangat mendekati dan memahami jiwa masyarakat yang tidak berkemampuan dan yang kurang bernasib baik, usaha Kerajaan hendak memajukan taraf hidup atau kesejahteraan rakyat yang miskin dan daif, akan dapat dicapai dengan lebih berkesan lagi. Saya me nyeru, terutamanya pegawai-pegawai Kerajaan dan eksekutif-eksekutif dalam bidang swasta,

...17/-

supaya dapat memberi sokongan sepenuhnya, dan seterusnya menyertai dalam pertubuhan dan badan-badan sukarela. Menerusinya, mereka akan dapat mengambil kesempatan untuk berdekatan dan berdamping dengan masyarakat. Dengan jalan ini, maka semangat berjiwa rakyat dan perasaan kemasyarakatan dapat diperkukuhkan lagi. Sebagai anggota badan-badan sukarela, mereka akan dapat memainkan peranan yang lebih cergas, dalam memajukan hasrat dan usaha Kerajaan, kearah pembangunan sebuah negara Malaysia yang adil, aman dan makmur, serta kearah mewujudkan sebuah masyarakat Malaysia yang progresif, dinamis dan bersatupadu.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

14. Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan  
berbanyak terima kasih serta setinggi-tinggi  
penghargaan, kepada semua pihak yang telah  
menjayakan upacara ini. Kepada syarikat-syarikat  
swasta, yang selama ini telah memberikan sokongan  
dan menghulurkan bantuan, bagi membolehkan  
St. John Ambulans bergiat cergas dan maju,  
saya <sup>selagai</sup> ~~selaku~~ Yang di-Pertua nya, mengucapkan  
berbanyak terima kasih. Mudah-mudahan TUHAN  
memberkati segala usaha mereka.



No Siri .....	475
No Penerimaan .....	88/81